

07/02/1998

50 terbabit majlis Ehsan Wanita

LEBIH 50 ahli pergerakan wanita komponen Barisan Nasional (BN) - Umno, MCA, MIC dan Gerakan terbabit dalam urusan terakhir persiapan majlis rasmi Ehsan Wanita dan majlis sambutan kongsi raya BN Ahad ini bermula jam 10 pagi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Setiausaha Kerja Pergerakan Wanita Umno, Zuraidah Musib berkata urusan persiapan itu dilakukan sejak Tahun Baru Cina.

"Kami tidak cuti pada Tahun Baru Cina dan hanya cuti sehari pada hari raya," katanya ketika ditemui di pejabat Wanita Umno, semalam.

Beliau berkata, mereka berada di pejabat pada setiap hari dari jam 8.30 pagi hingga 10 malam.

Menurutnya, ini adalah tanggungjawab terbesar dan pertama dilakukan oleh Wanita Umno sejak di bawah kepimpinan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Usaha ini adalah sesuatu yang menggerakkan wanita BN untuk bersama bagi faedah semua wanita tanpa mengira kaum, umur dan strata kehidupan," katanya.

Zuraidah yang sekali gus mengetuai urusetia petugas berkata, pihaknya mendapat kerjasama penuh daripada semua setiausaha wanita parti komponen BN.

Katanya, pada hari pelancaran itu, 30 kaunter lengkap dengan komputer akan dibuka kepada orang ramai mulai jam 10 pagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikannya pada jam 3 petang di Dewan Merdeka.

Pada majlis itu, satu persembahan koir dan pembacaan ikrar turut diadakan.

Mereka yang ingin menyertai Ehsan Wanita boleh hadir membawa cek, postal order, money order atas nama akaun Ehsan Wanita mengikut jumlah yang termampu.

(END)